



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 14 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN KENAL PASTI LANGKAH ELAK KENAIKAN MENDADAK HARGA AYAM, BERITA RTM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI RANCANG TANAM JAGUNG BERSKALA BESAR, BENDUNG KENAIKAN HARGA MAKANAN TERNAKAN – ZAWAWI, ASTRO AWANI -ONLINE	
3.	SISTEM PENYIMPANAN AIR BAWAH TANAH PERLU AGAR INDUSTRI PADI DAN BERAS KEKAL MAMPAN, BERNAMA -ONLINE	
4.	SISTEM SIMPANAN AIR BAWAH TANAH DIPERLUKAN UNTUK MENGEKALKAN PENGELUARAN PADI DAN BERAS, KATA KEMENTERIAN PERTANIAN, BERITA KINI -ONLINE	
5.	MINISTRY WILL RESOLVE RISING PRICES AND SHORTAGE OF CHICKEN SUPPLY IN 2 WEEKS, BUSINESS TODAY -ONLINE	
6.	MAFI SEDIA TABUNG BENCANA BERDEPAN MUSIM TENGGUJUH, SH -ONLINE	
7.	NELAYAN, PENTERNAK DIBANTU HADAPI BANJIR, BH -ONLINE	
8.	MAFI SEDIA TABUNG BENCANA BANJIR BANTU GOLONGAN PETANI – ZAWAWI, BERNAMA -ONLINE	
9.	PROGRAM KEBUNITI BERI MANFAAT 39,608 PENDUDUK, HARAKAH DAILY -ONLINE	
10.	KERJASAMA KPDNHEP, MAFI TANGANI ISU HARGA BAJA DAN RACUN, NASIONAL, BH AHAD -22	
11.	MINISTRIES SET UP JOINT COMMITTEE TO STABILISE FERTILISER, PESTICIDE PRICES, HOME, BORNEO POST (KK) -4	
12.	2 DEPARTMENTS SET UP JOINT COMMITTEES TO SOLVE THE INCREASE IN THE PRICES OF FERTILISERS, NATION, CHINA PRESS -A5	
13.	MAFI, KPDNHEP TUBUH JAWATANKUASA BESAMA STABIL HARGA BAJA, RACUN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3	
14.	JOINT COMMISSION IS SET UP TO SOLVE THE PROBLEM OF FERTILISERS AND PESTICIDES PRICE INCREASE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A2	
15.	MAFI, KPDNHEP SET UP JOINT COMMITTEE TO STABILISE FERTILISER, PESTICIDE PRICES, HOME, THE SUNDAY POST (KUCHING) -15	
16.	SPECIAL COMMITTEE ESTABLISHED TO RESOLVE FERTILISER AND PESTICIDE PRICE HIKE ISSUE, NEWS, UNITED DAILY NEWS (KUCHING) -A6	
17.	FAMA BANTU PASARKAN 10.5 TAN ROSELLE, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
18.	MAFI FAMA MEASURES TO STABILIZE CHICKEN PRICES, BERITA MANDARIN -TV2	
19.	NELAYAN TERIMA BANTUAN MAFI PRIHATIN, EKONOMI, MINGGUAN SARAWAK -32	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERITA RTM	ONLINE	

## Kerajaan kenal pasti langkah elak kenaikan mendadak harga ayam



**PASIR PUTEH, 13 November** - Beberapa langkah telah dikenal pasti boleh diambil bagi menstabilkan harga ayam agar tidak naik mendadak sehingga membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, kerajaan telah membuat percaturan tersendiri supaya harga ayam turun di masa hadapan.

Antara langkah yang diambil kerajaan adalah dengan mewujudkan penanaman jagung secara besar-besaran bagi penghasilan makanan ternakan.

Katanya, dalam tempoh terdekat, kerajaan akan mempunyai kilang sendiri yang dikendalikan melalui agensi-agensi kerajaan atau bekerjasama dengan pihak swasta.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan bantuan MAFI Prihatin melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) kepada 70 pemandu kereta sewa di Pasir Puteh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## MAFI rancang tanam jagung berskala besar, bendung kenaikan harga makanan ternakan - Zawawi



*Nik Muhammad Zawawi (kiri) menyampaikan barangan dapur dan bantuan kewangan pada majlis ramah mesra dan penyampaian one-off kepada pemandu kereta sewa di pekarangan kereta sewa dan bas Tok Janggut di Pasir Puteh, 13 Nov, 2021. –fotoBERNAMA*

**PASIR PUTEH:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengenal pasti beberapa langkah dalam usaha membendung kenaikan harga makanan haiwan ternakan di negara ini, termasuk dengan

mengusahakan tanaman jagung secara berskala besar.

Timbalan Menteri MAFI Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata selain itu ialah memberi peruntukan khas kepada para penternak.

"Kerajaan akan berusaha menanam tanaman jagung untuk menghasilkan bekalan makanan ternakan dengan penanaman berskala besar. Selain itu, kerajaan juga akan membina kilang bagi memproses bekalan makanan sendiri menerusi kerjasama dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan secara 'one-off' dan bakul makanan kepada 70 pemandu kereta sewa di Pejabat Kereta Sewa Taman Mahkota, di sini, semalam.

Turut hadi Pengerusi Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Katanya, sekiranya semua rancangan itu berjalan lancar ia akan memberi kesan terhadap harga ayam di pasaran yang disifatkan tidak munasabah ketika ini dan dikhuatiri membebankan rakyat.

Baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata paras harga ayam secara umumnya dipengaruhi banyak faktor termasuk kos input ternakan khususnya komponen makanan yang

diimport seperti kacang soya dan jagung yang turut dipengaruhi kadar pertukaran asing serta harga pasaran dunia.

Selain itu, katanya harga ayam di pasaran turut dipengaruhi permintaan dan penawaran dalam keadaan sektor ekonomi dan aktiviti perniagaan telah dibuka.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

## Sistem penyimpanan air bawah tanah perlu agar industri padi dan beras kekal mampan



PUTRAJAYA, 14 Nov -- Sistem penyimpanan air bawah tanah perlu diwujudkan untuk kesinambungan sumber air agar industri padi dan beras kekal produktif serta efisien sekiranya berdepan krisis bekalan air pada masa depan sekali gus menjamin keselamatan makanan negara.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Azman Mahmood berkata sistem pengairan diamalkan sekarang hanya bergantung kepada air hujan atau empangan sedia ada, namun kaedah ini perlu ditukar dalam menghadapi cabaran krisis air yang bukan sahaja dikhuatiri terjadi di Malaysia malah peringkat global.

Beliau berkata industri padi dan beras perlu dimodenkan dengan teknologi digital seperti penggunaan tablet dan dron untuk pengurusan dan pengawalan air di sawah yang dilihat bukan sahaja memastikan padi dan beras negara mendapat hasil optimum malah menjamin keselamatan makanan serta nasib pesawah yang menjadikan aktiviti pertanian sebagai sara diri.

"Selain baja dan penggunaan teknologi moden, air adalah faktor utama dalam pengurusan sawah. Tidak cukup air maka wujud penyakit dan padi angin yang menyebabkan hasil petani merosot serta-merta. Ini menjadi kerisauan 300,000 pesawah di seluruh negara. Oleh demikian, kaedah *Rice Check* yang betul dari segi penggunaan baja, air dan teknologi perlu diseragamkan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Azman berkata sistem penyimpanan air bawah tanah yang dipraktikkan di negara seperti Australia dan Jepun telah membuktikan kaedah itu berkesan dalam mengurangkan kerugian, memberi hasil berterusan dan mampan malah turut mendorong penglibatan anak muda dalam sektor pertanian.

Sebagai permulaan, beliau berkata beberapa negeri seperti di Kedah, Perak dan Pahang boleh dipilih sebagai tapak projek rintis untuk melaksanakan pembinaan sistem penyimpanan air bawah tanah kerana mempunyai lebih air yang terpaksa dilepaskan ke laut.

"Contohnya Rompin di Pahang yang tiada masalah sumber air. Jadi penting untuk mewujudkan sistem penyimpanan air bawah tanah bagi menyimpan lebih air dan menggunakan sumber itu ketika diperlukan pada waktu tertentu. Saya yakin dalam tempoh 10 tahun akan datang, Malaysia terlibat dalam kaedah ini kerana sumber air semakin terhad," katanya.

Beliau berkata infrastruktur bagi projek simpanan air bawah tanah itu boleh dilaksanakan secara berperingkat menggunakan 20 peratus daripada RM1.53 bilion yang diperuntukkan kerajaan bagi program bantuan subsidi dan insentif kepada pengusaha tanaman padi sebagai dorongan mencuba teknologi baharu dalam pengurusan dan pengawalan air.

"Jika kita mengubah kaedah konvensional kepada moden dengan menggunakan 20 peratus daripada peruntukan untuk industri padi dan beras, kita jangkakan dalam 10 tahun akan ada sistem sendiri. Bayangkan pesawah hanya menggunakan peranti tablet dan dron untuk mengurus dan mengawal air bagi tanaman masing-masing, ia begitu mudah dan efisien," katanya.

Mengambil Australia sebagai contoh, beliau berkata lebih air daripada banjir diserap ke bawah tanah dan disimpan untuk industri tanaman atau kegunaan ketika musim kering.

"Contoh di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 2019 yang menghadapi krisis air kemuncak. Perkara ini akan berulang di tempat lain. Jika penyimpanan air bawah tanah maka pengurusan padi tidak terjejas dan menyelamatkan lebih banyak jelapang untuk penyelesaian jangka masa panjang," katanya.

Azman berkata pihaknya akan menjemput kepakaran yang ada di Kementerian Alam Sekitar dan Air untuk berbincang mengenai hala tuju pelaksanaan sistem penggunaan air bawah tanah serta pembinaan penyimpanan di kawasan sawah dan jelapang mulai tahun depan bagi memperkenalkan kaedah itu dalam usaha seiring dengan revolusi industri 4.0 (IR4.0)

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERITA KINI	ONLINE	

## Sistem simpanan air bawah tanah diperlukan untuk mengekalkan pengeluaran padi dan beras, kata Kementerian Pertanian



PUTRAJAYA: Sistem simpanan air bawah tanah mesti diwujudkan bagi memastikan bekalan air berterusan untuk industri padi dan beras kekal cekap dan produktif sekiranya berlaku krisis air, kata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Krisis air, yang dikhuatiri bukan sahaja di Malaysia tetapi di peringkat global serta perubahan iklim, boleh mengancam keselamatan makanan di negara ini, kata Ketua Pengarah Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras kementerian itu Azman Mahmood.

Sistem pengairan semasa bergantung kepada air hujan atau empangan sedia ada, tetapi kaedah ini perlu diubah dalam menghadapi ancaman bekalan air, katanya kepada BK dalam temu bual baru-baru ini.

Justeru, katanya industri padi dan beras perlu dimodenkan dengan teknologi digital, contohnya dengan menggunakan peranti tablet dan dron untuk pengurusan dan kawalan air di jelang padi.

Ini bukan sahaja membantu mencapai hasil optimum tetapi juga memastikan keselamatan makanan dan nasib petani yang sara hidup bergantung kepada aktiviti pertanian, tambahnya.

“Selain baja dan teknologi, air menjadi faktor utama dalam pengurusan sawah padi.

“Bekalan air yang tidak mencukupi membawa kepada penyakit dan padi lalang yang menyebabkan hasil petani merosot serta-merta.

“Ini adalah kebimbangan besar 300,000 petani di seluruh negara. Justeru, (penggunaan) Pemeriksaan Beras (manual) yang betul dari segi penggunaan baja, air dan teknologi perlu diseragamkan,” katanya.

Azman berkata sistem simpanan air bawah tanah yang dilaksanakan di negara seperti Australia dan Jepun terbukti berkesan mengurangkan kerugian, memberikan hasil yang berterusan dan mampan malah menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian.

Sebagai permulaan, beliau berkata beberapa negeri seperti Kedah, Perak dan Pahang boleh dipilih sebagai tapak projek perintis untuk melaksanakan pembinaan sistem simpanan air bawah tanah kerana mempunyai lebih air yang terpaksa dilepaskan ke laut.

“Sebagai contoh, Rompin di Pahang tidak mempunyai masalah kekurangan air. Jadi adalah penting untuk mewujudkan sistem simpanan air bawah tanah untuk menyimpan lebih air dan menggunakan sumber itu apabila diperlukan pada masa tertentu.

“Saya yakin dalam tempoh 10 tahun akan datang, Malaysia juga akan terlibat dalam kaedah ini kerana sumber air (menjadi) semakin terhad,” katanya.

Beliau berkata infrastruktur bagi projek penyimpanan air bawah tanah boleh dilaksanakan secara berperingkat menggunakan 20% daripada RM1.53 bilion yang diperuntukkan kerajaan untuk program bantuan subsidi dan insentif kepada penanam padi sebagai insentif untuk mencuba teknologi baharu dalam pengurusan dan kawalan air.

“Jika kita tukar kaedah konvensional kepada moden dengan menggunakan 20% daripada peruntukan untuk industri padi dan beras, kita jangka dalam 10 tahun akan ada sistem tersendiri.

“Ia akan menjadi sangat mudah dan cekap dengan petani hanya perlu menggunakan peranti tablet dan dron untuk mengurus dan mengawal air untuk tanaman mereka,” katanya.

Memetik tanah gersang Australia sebagai contoh, beliau berkata lebih air larian daripada banjir diserap di bawah tanah dan disimpan untuk tanaman perindustrian atau kegunaan semasa musim kemarau.

“Lebih dekat dengan rumah ialah kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (di Kedah) yang mengalami krisis air pada 2019. Ini (senario) akan berulang di tempat lain. Jika ada simpanan air bawah tanah, pengeluaran padi tidak akan terjejas,” katanya.

Azman berkata kementerian akan berunding dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air mengenai hala tuju pelaksanaan sistem air bawah tanah dan pembinaan simpanan di kawasan sawah dan jelapang mulai tahun depan, bagi memperkenalkan kaedah itu selaras dengan Revolusi Perindustrian 4.0. – BK



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BUSINESS TODAY	ONLINE	

## Ministry Will Resolve Rising Prices And Shortage Of Chicken Supply In 2 Weeks



The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs has given an assurance that the issue of rising prices and shortage of chicken supply in the market will be resolved within the next two weeks.

Deputy Minister, Datuk Rosol Wahid, said his ministry together with the Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) had held a meeting last week, to find a solution to the issue which was said to be happening in several areas. According to him, among the

solutions discussed included to import chicken supplies from abroad, to overcome the shortage of supply in the local market as well as stabilize the price.

"Now the problem is not only the price hikes, but I understand, for example in my state of Terengganu, many shops do not have chicken supply. We are concerned about this problem, so our ministry together with MAFI will overcome this problem," he said.

There has been reports recently on rising chicken prices occurring in larger cities with no apparent reason for the hikes. Having just reopened its borders, Malaysia is trying to recalibrate itself after the prolonged lockdowns. While things were stable during the lockdown, the food supply industry is facing sudden shock for goods demand as restaurants reopened accepting dine-ins.

Now, even cooking oil supply is currently at low inventory, this situation was admitted by the Ministry on the shortage of supply in the market was due to suppliers not being able to produce oil and due to not receiving payment from the government. It clarified, that cooking oil producers or suppliers who produce cooking oil depend on the payment as working capital, to continue to produce packaged cooking oil.

"We will find a solution with the Ministry of Finance (MOF) to settle the payment to the cooking oil producer, regarding the cooking oil subsidy, the MOF will channel the funds to us and we will channel the funds to the suppliers," he said.

Meanwhile, Rosol said KPDNHEP had extended the period until Wednesday for the owner of a restaurant here that sells sea bass worth RM1,196, to provide an explanation to the ministry on the price of food sold there. On Nov 6, a picture of food price receipts, especially a 7.48 kilogram sea bass dish priced at RM1,196, was spread on social media.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI sedia tabung bencana berdepan musim tengkujuh



Nik Zawawi (tengah) menyampaikan replika cek peruntukan pembangunan persekutuan Pasir Puteh kepada Tuan Mohd Saripuddin pada majlis berkenaan.

PASIR PUTEH - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengadakan mesyuarat awal melibatkan persiapan bantuan banjir kepada petani melalui tabung bencana agensi itu jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini pada musim tengkujuh kali ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, tiada peruntukan khusus untuk tabung berkenaan dan ia juga tidak terhad kepada jumlah-jumlah tertentu.

"MAFI memang ada jadual tahunan melibatkan perkara seperti ini dan untuk musim tengkujuh kali ini, kita telah mengadakan perbincangan dan mesyuarat jika berlakunya banjir dan sebagainya.

"Kami telah bersiap sedia termasuklah juga dengan kerajaan negeri dan jabatan lain kerana mereka juga ada tabung," katanya kepada pemberita di sini pada Ahad.

Beliau sebelum itu menghadiri Program MAFI Prihatin Jabatan Pertanian Kelantan di pejabat Pertanian Pasir Puteh, di sini.

Hadir sama, Exco Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata, antara kawasan yang dikenal pasti mungkin terlibat dengan banjir adalah negeri pantai timur seperti Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Bagaimanapun, menurut Nik Muhammad Zawawi, pihaknya juga sentiasa bersedia secara umum melibatkan negeri-negeri lain yang mungkin berlakunya bencana di luar jangkaan seperti di Yan, Kedah baru-baru ini.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, beliau berkata, kerajaan Persekutuan juga memperuntukkan RM5.6 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan melibatkan 17 projek pembangunan di seluruh negeri tahun ini.

Katanya, pemberian insentif projek pembangunan ini diharapkan dapat melaksanakan projek pertanian dengan sebaik mungkin melalui bimbingan dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian.

"Antara projek utama yang memberi manfaat kepada penduduk adalah melalui Program Kebuniti. Program ini memberi manfaat kepada enam komuniti khususnya golongan B40," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Nelayan, penternak dibantu hadapi banjir



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (tengah) menyampaikan cek kepada petani di Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin di Jabatan Pertanian Pasir Puteh, Pasir Puteh. - Foto NSTP/ Nor Amalina Alias

PASIR PUTEH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membuat persediaan awal bagi membantu nelayan, petani dan penternak menghadapi musim tengkujuh, tahun ini.

Timbalan menterinya, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata keutamaan diberikan kepada negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang selain Johor dan Kedah yang sering terjejas akibat bencana alam itu.

Bagaimanapun katanya, pihak MAFI turut membuat persiapan bagi negeri lain yang mungkin menghadapi banjir luar jangkaan.

"MAFI mempunyai jadual tahunan, kita sudah adakan mesyuarat dan perbincangan untuk bagi bantuan melalui tabung bencana alam kepada petani terjejas.

"Nilai bantuan tidak dikhususkan. Kita lihat nilai kerosakan yang dihadapi dan bantuan akan disalurkan segera," katanya ketika ditemui pada sidang media di Program MAFI Prihatin di Jabatan Pertanian Pasir Puteh, di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain persediaan bantuan musim tengkujuh, MAFI giat membantu penduduk memulakan tanaman khususnya pasca COVID-19 melalui pelbagai insentif.

Katanya, Kelantan menerima peruntukan lebih RM5.6 juta melalui 17 projek pembangunan untuk disalurkan kepada 4,142 petani.

"Hari ini pula 559 petani di Pasir Puteh menerima peruntukan lebih RM634,000 bagi membantu mereka yang terjejas akibat COVID-19 dan mengembangkan tanaman selepas pandemik," katanya.

Sementara itu, seorang penerima, Roshahrul Affenddeey Mahadi, 35, berkata dia bersyukur mendapat bantuan RM20,000 bagi mengembangkan tanaman cili solok yang diusahakan di Kampung Telaga Papan.

Katanya, itu bantuan pertama kali diperoleh selepas dia nekad meninggalkan kerjaya sebagai penjawat awam sejak empat tahun lalu.

"Saya rancang dengan bantuan ini dapat meningkatkan tanaman daripada 1,500 kepada 2,000 anak pokok dan meluaskan tanaman kepada 0.4 hektar pada masa akan datang," katanya yang menanam cili solok di depan rumahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

## MAFI sedia tabung bencana banjir bantu golongan petani - Zawawi



Datuk Dr Nik Zawawi Nik Salleh

PASIR PUTEH, 14 Nov -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan memberi bantuan kepada petani yang terkesan akibat banjir tahun ini, menerusi tabung bencana kementerian itu.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, tiada peruntukan khusus dan jumlah yang telah ditetapkan untuk tabung berkenaan.

"MAFI memang sudah ada jadual tahunan melibatkan perkara seperti ini, malah kita juga telah mengadakan perbincangan serta mesyuarat, sebagai persediaan jika berlakunya banjir dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program MAFI Prihatin di Pejabat Pertanian di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.

Sementara itu, beliau berkata Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan lebih RM5.6 juta kepada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan melibatkan 17 projek pembangunan di negeri itu pada tahun ini.

Katanya, peruntukan tersebut memberi manfaat kepada 4,142 petani untuk menghasilkan makanan sendiri yang selamat dan berkualiti, serta dapat mengurangkan kos sara hidup selain menjana pendapatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## Program Kebuniti beri manfaat 39,608 penduduk



**PASIR PUTEH:** Program Pertanian Bandar (Kebuniti) memberi faedah kepada 39,608 penduduk, termasuk mereka yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan sejumlah RM63.32 juta bagi tujuan itu sejak 2014.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata peruntukan itu membabitkan 25,775 lokasi di seluruh negara.

“Program Kebuniti mendapat sambutan menggalakkan, terutama masyarakat bandar dan luar bandar untuk mengusahakan tanaman jangka pendek seperti sayur-sayuran.

“Bantuan yang diberi merangkumi pasu, benih, baja dan peralatan tanaman,” katanya selepas merasmikan Program MAFI Prihatin di Pejabat Pertanian di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail; Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian Malaysia, Johari Abdullah dan Pengarah Pertanian Kelantan, Norbahani Zakaria.

Dr Nik Muhammad Zawawi yang juga Ahli Parlimen Pasir Puteh berkata, lebih RM5.6 juta diberi kepada Jabatan Pertanian Kelantan membabitkan 17 projek melibatkan 4,142 petani di seluruh negeri sepanjang tahun ini.

Daripada jumlah itu, katanya RM634,246 membabitkan 428 lokasi projek diberikan kepada 559 petani di Jajahan Pasir Puteh.

“Program Kebuniti adalah antara projek utama bagi penduduk di sini, terutama golongan B40 dengan nilai peruntukan keseluruhan berjumlah RM233,000 yang memberi faedah kepada 386 peserta,” katanya.

Beliau berkata, mereka terdiri daripada penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selising, Dun Limbongan, Dun Gaal dan Dun Semerak.

Katanya, Program MAFI Prihatin merupakan antara platform terbaik kementerian untuk merasai denyut nadi rakyat dalam usaha membantu kumpulan sasar merasai kesan positif daripada limpahan ekonomi pertanian melalui projek pembangunan berimpak tinggi. – HARAKHADAILY 14/11/21

Headline	Kerjasama KPDNHEP, MAFI tangani isu harga baja, racun		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	14 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	22	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	170 cm <sup>2</sup>
Journalist	BERNAMA	AdValue	RM 5,651
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,952



## Kerjasama KPDNHEP, MAFI tangani isu harga baja, racun

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KP-DNHEP) menubuhkan satu jawatankuasa bersama dalam menangani isu kenaikan harga baja dan racun.

Dalam kenyataan bersama semalam, MAFI dan KP-DNHEP memaklumkan, usaha bersepadu itu bertujuan meneliti tindakan dan kaedah penyelesaian lain bagi membantu petani serta pengusaha kecil yang berdepan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak sejak pandemik COVID-19.

"Baja dan racun makhluk perosak adalah input pertanian dan komponen penting dalam pengeluaran hasil tanaman berkualiti dan selamat dimakan oleh penduduk Malaysia.

"Kebanyakan baja dan racun digunakan petani dihasilkan daripada bahan mentah diimport dari negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat dan kalium," menurut kenyataan itu.

Kenyataan bersama kedua-dua menteri, Datuk Seri Dr Ronald Klандee dan Datuk Seri Alexander Nanta Linggi itu turut memaklumkan, berdasarkan perbincangan dan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan dan penggiat industri, antara punca isu itu adalah perubahan dasar di negara pengekspor, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik dan spekulasi pasaran.

"Apabila bekalan baja dan racun berkurangan di pasaran dengan permintaan sentiasa berterusan daripada petani, maka peningkatan harga berlaku di sepanjang rantaian pembekalan produk terbabit," menurut kenyataan itu.

Selalu itu, beberapa cadangan penyelesaian sudah dikenal pasti dan diangkat oleh MAFI dan KP-DNHEP secara bersama dalam mesyuarat Jemaah Menteri kolmarin supaya isu berkenaan dapat ditangani secara menyeluruh dan holistik, di samping membantu golongan terjejas.

"MAFI dan KP-DNHEP sentiasa peka dengan kenaikan harga baja dan racun bagi memastikan produktiviti pengeluaran tidak terjejas dan bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan," katanya.

BERNAMA

Headline	Ministries set up joint committee to stabilise fertiliser, pesticide prices		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	14 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	83 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 231
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 694



## Ministries set up joint committee to stabilise fertiliser, pesticide prices

**PUTRAJAYA:** A joint committee on the issue of rising fertiliser and pesticide prices has been set up by the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) and the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP).

The committee is studying proposed actions and solutions as well as other measures to help farmers and small entrepreneurs who are facing the issue of a sudden increase in fertiliser and pesticide prices.

In a joint statement on Saturday, the two ministries said the issue of rising fertiliser and pesticide prices that had cropped up since the Covid-19 pandemic was taken seriously.

"Fertilisers and pesticides are agricultural inputs and important components in the production of quality crops that are safe to eat by the people of Malaysia. Most of the fertilisers and pesticides used by farmers are made from raw materials imported from overseas such as nitrogen, phosphate and potassium," according to the statement by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang and Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

The statement said based on discussions and engagement sessions held with stakeholders and industry players, among the causes that had been identified on the issue were policy changes from exporting countries, rising raw material costs, logistical disruptions and market speculation.

"When the supply of fertilisers and pesticides decreases in the market due to constant demand from farmers, then price increases occur along the supply chain of the product," the statement said.

— Bernama



Headline	2 departments set up joint committees to solve the increase in the prices of fertilisers and		
MediaTitle	China Press		
Date	14 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	106 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,091
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,273



## 2部門設聯合委會 解決肥料農藥漲價

（布城13日讯）农业及食品工业部和国内贸易与消费人事务部设立联合委员会，以解决肥料及农药价格上涨问题。

农业部长拿督斯里罗南建迪及贸消部长拿督斯里阿历山大南达林奇发表联合文告，指该委员会将研究可采取的行动及其他解决方案，协助农民和小企业家应对新冠肺炎疫情期间，而对肥料及农药价格飙升问题。

“肥料和杀虫剂是农业投入品，也是生产优质与安全食用的农作物重要组成部分。

“农民使用的大部分肥料及农药都是以

外国进口原料生产，如氮、磷酸盐和钾等元素。”

文告提到，根据与利益相关者及业者讨论，涨价导因包括出口国政策改变、原料成本上涨、物流中断及市场投机。

“当市场肥料及农药供应减少，农民需求不断增加，这些产品供应链就会跟著涨价。”

此外，两部门已确定数个解决方案，并于昨日内阁会议上提出，以便此问题能全面解决，供应维持充足及价格稳定合理。



■ 罗南建迪

Headline	Mafi, KPDNHEP tubuh j`kuasa bersama stabil harga baja, racun		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	14 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	156 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 332
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 995



## Mafi, KPDNHEP tubuh j`kuasa bersama stabil harga baja, racun

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menubuhkan satu jawatankuasa bersama dalam menangani isu kenaikan harga baja dan racun.

Dalam satu kenyataan bersama, Mafi dan KPDNHEP memaklumkan usaha bersepadu itu bertujuan meneliti tindakan dan kaedah penyelesaian lain bagi membantu petani serta pengusaha kecil yang berdepan isu kenaikan harga baja dan racun secara mendadak sejak pandemik Covid-19.

"Baja dan racun makhluk perosak adalah input pertanian dan komponen penting dalam pengeluaran hasil tanaman berkualiti dan selamat dimakan oleh penduduk Malaysia.

"Kebanyakan baja dan racun yang digunakan oleh petani dihasilkan daripada bahan mentah diimport dari negara luar seperti unsur nitrogen, fosfat dan kalium," menurut kenyataan bersama kedua-dua Menteri di kementerian terbabit Datuk Seri Dr Ronald Kiandee dan Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, di sini, Sabtu.

Menurut kenyataan itu, berdasarkan perbincangan dan sesi libat urus yang diadakan dengan pihak berkepentingan dan pemain industri, antara punca dikenal pasti berhubung isu tersebut adalah perubahan polisi dari negara pengeksport, kenaikan kos bahan mentah, gangguan logistik serta spekulasi pasaran.

"Apabila bekalan baja dan racun berkurangan di pasaran dengan permintaan sentiasa berterusan daripada petani, maka peningkatan harga berlaku di sepanjang rantaian pembekalan produk tersebut," menurut kenyataan itu.

Selain itu, beberapa cadangan penyelesaian telah dikenal pasti dan diangkat oleh Mafi dan KPDNHEP secara bersama dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam supaya isu ini dapat ditangani secara menyeluruh dan holistik di samping membantu golongan terjejas.

"Mafi dan KPDNHEP sentiasa peka dengan kenaikan harga baja dan racun bagi memastikan produktiviti pengeluaran tidak terjejas dan bekalan sentiasa mencukupi dengan harga yang stabil dan berpatutan," katanya. - Bernama

Headline	Joint commission is set up to solve the problem of fertilisers and pesticides price increase		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	14 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A2	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	54 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 605
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,815



## 农业部贸消部设联委会 解决肥料农药涨价问题

【布城 13 日讯】农业及食品工业部和国内贸易与消费人事务部设立联合委员会，以解决肥料及农药价格上涨问题。

农业部长拿督斯里罗南建迪及贸消部长拿督斯里亚历山大在联合文告指出，联合委员会将研究可采取的行动及其他解决方案，协助农民和小企业家应对新冠疫情期间面对肥料及农药价格飙升问题。

“肥料和杀虫剂是农业投入品，也是生产优质与安全食用的农作物重要组成部分。”

“农民使用的大部分肥料及农药都是以外国进口原料生产，如氮、磷酸盐和钾等元素。”

文告提到，根据与利益相关者及业者讨论，涨价等因包括出口国政策改变、原料成本上涨、物流中断及市场投机。

“当市场肥料及农药供应减少，农民需求不断增加，这些产品供应链就会跟着涨价。”

此外，两部门已确定数个解决方案，并于昨日内阁会议上提出，以便此课题能全面解决，供应维持充足及价格稳定合理。#

Headline	Mafi, KPDNHEP set up joint committee to stabilise fertiliser, pesticide prices		
MediaTitle	The Sunday Post (Kuching)		
Date	14 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	65,012
Page No	15	Readership	195,036
Language	English	ArticleSize	120 cm <sup>2</sup>
Journalist	Bernama	AdValue	RM 818
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,454



## Mafi, KPDNHEP set up joint committee to stabilise fertiliser, pesticide prices

**PUTRAJAYA:** A joint committee on the issue of rising fertiliser and pesticide prices has been set up by the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi) and the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP).

The committee is studying proposed actions and solutions as well as other measures to help farmers and small entrepreneurs who are facing the issue of a sudden increase in fertiliser and pesticide prices.

In a joint statement yesterday, the two ministries said the issue of rising fertiliser and pesticide prices that had cropped up since the Covid-19 pandemic was taken seriously.

"Fertilisers and pesticides are agricultural inputs and important components in the production of quality crops that are safe to eat by the people of Malaysia.

"Most of the fertilisers and pesticides used by farmers are made from raw materials imported from overseas such as nitrogen, phosphate and potassium," according to the statement by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee and

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

The statement said based on discussions and engagement sessions held with stakeholders and industry players, among the causes that had been identified on the issue were policy changes from exporting countries, rising raw material costs, logistical disruptions and market speculation.

"When the supply of fertilisers and pesticides decreases in the market due to constant demand from farmers, then price increases occur along the supply chain of the product," the statement said.

Several proposed solutions were identified and raised by Mafi and KPDNHEP jointly in the Cabinet meeting yesterday so that this issue can be addressed comprehensively and holistically to help the affected groups.

"Mafi and KPDNHEP are always sensitive to any increase in fertiliser and pesticide prices to ensure productivity is not affected and supply is always sufficient at stable and affordable prices," it said.

— Bernama

Headline	Special committee established to resolve fertiliser and pesticide price hike issue		
MediaTitle	United Daily News (Kuching)		
Date	14 Nov 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	39,116
Page No	A6	Readership	117,348
Language	Chinese	ArticleSize	116 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 617
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,851



## 農業部貿消部設聯委會 解決肥料農藥漲價問題

(布城13日讯) 农业及食品工业部和国内贸易与消费人事务部设立联合委员会，以解决肥料及农药价格上涨问题。

农业部长拿督斯里罗南建迪及贸消部长拿督斯里亚历山大在联合文告指出，联合委员

会将研究可采取的行动及其他解决方案，协助农民和小企业家应对新冠疫情期间面对肥料及农药价格飙升问题。

“肥料和杀虫剂是农业投入品，也是生产优质与安全食用的农作物重要组成部分。”

“农民使用的大部分肥

料及农药都是以外国进口原料生产，如氮、磷酸盐和钾等元素。”

文告提到，根据与利益相关者及业者讨论，涨价导因包括出口国政策改变、原料成本上涨、物流中断及市场投机。

“当市场肥料及农药供

应减少，农民需求不断增加，这些产品供应链就会跟着涨价。”

此外，两部门已确定数个解决方案，并于昨日内阁会议上提出，以便此课题能全面解决，供应维持充足及价格稳定合理。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## FAMA bantu pasarkan 10.5 tan roselle



Saiful (dua kiri) mengiringi Abd Rahman (dua kanan) ketika melawat kebun roselle di Kampung Desa Murni di sini pada Sabtu.

ROMPIN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membantu memasarkan 10.5 tan hasil tanaman roselle yang diusahakan oleh 46 peserta ladang kontrak di dua kawasan di daerah Rompin, tahun ini.

Pengarah FAMA Pahang, Saiful Sadri berkata, nilai keseluruhan jualan produk pertanian itu tahun ini sebanyak RM42,000.

Menurut beliau, jumlah itu jauh berkurangan berbanding hasil dan nilai jualan untuk tahun-tahun sebelum ini.

"Ia berikutan pekebun mengurangkan keluasan tanaman ekoran pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP).

"Bagi hasil tahun ini, selain untuk bekalan pusat memproses makanan FAMA Rengit, Johor, buah roselle keluaran pekebun Kampung Desa Murni dan Kampung Tebu Hitam itu turut di eksport ke Australia," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengiringi lawatan Pengarah Kanan FAMA, Abd Rahman Mahmood ke Pusat Pengumpulan Ladang Kampung Desa Murni, di sini, pada Sabtu.

Saiful berkata, roselle keluaran daerah itu terkenal dengan kualitinya hingga mampu menembusi pasaran antarabangsa.

"Pihak FAMA akan terus berusaha membantu pekebun roselle yang turut mengusahakan beberapa tanaman kontan lain seperti keledak, kacang tanah dan jagung.

"Pelbagai kemudahan telah disediakan kepada pekebun antaranya bantuan peralatan, pengangkutan, kursus dan latihan," katanya.

Tambah beliau, latihan dan kursus diberikan kepada pekebun bagi membuka peluang kepada mereka untuk menghasilkan produk hiliran berasaskan roselle.

"Kita jangkakan keluaran roselle daerah ini akan meningkat tahun hadapan bagi memenuhi permintaan tempatan dan luar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2021	BERITA MANDARIN	TV2	

**(MAFI FAMA) Measures to stabilize chicken prices**



Headline	Nelayan terima Bantuan MAFI Prihatin		
MediaTitle	Mingguan Sarawak		
Date	14 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	37,981
Page No	32	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	RYNNA SHA'ERRA	AdValue	RM 439
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,317



## Nelayan terima Bantuan MAFI Prihatin

RYNNA SHA'ERRA

**KUCHING:** Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Dato' Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal menyampaikan Bantuan MAFI Prihatin kepada nelayan Sarawak dalam Majlis Penyampaian Bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

(MAFI) Prihatin di Pelabuhan Pesikanan LKIM Tanjung Bako, semalam.

Program tersebut diadakan bersempena Lawatan Kerja Rasmi beliau ke Sarawak yang mana ia dihadiri 120 orang terdiri daripada warga kerja LKIM Negeri Sarawak dan ketua – ketua komuniti nelayan di sekitar Kuching, Sematan dan Asajaya.

Dalam program sama, beliau turut menyampaikan *Mock Cheque* Program Tanaman Kontan bernilai RM378,000 kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Sarawak, Jam Hajimi yang mewakili para peserta yang terdiri dari seluruh negeri ini.

Dalam lawatan itu juga, beliau turut berpeluang meninjau dan melawat

sekitar Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako di Kuching yang mana ia merupakan lawatan kerja pertama beliau semajak menjadi Pengerusi LKIM.

Dalam pada itu, beliau dijangka meneruskan lawatan kerja beliau ke Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Manis dalam rangka Lawatan Kerja

Rasmi ke Negeri Sarawak.

Turut hadir, Ketua Pengarah LKIM, Yusoff Othman, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Kusuadi Sallih, Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Negeri Sarawak, Mastam Noda dan Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan, Hamdan Mamat.